

ABSTRAK

HALIPAH BINTI HAMZAH. Kefahaman Tentang *al-Sakhā'* dan Penghayatannya di Kalangan Kakitangan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Aset yang dikurniakan Allah s.w.t. kepada para hamba-Nya sama ada berbentuk kebendaan, keilmuan, kemahiran dan lain-lain adalah hak mutlak Allah s.w.t. Ia hanya merupakan pinjaman dan hak sementara manusia untuk dimanfaatkan sesama makhluk mengikut kemampuan masing-masing. Terdapat pelbagai cara pengagihan aset menurut ajaran Islam seperti sedekah, pinjaman, wakaf, muzakarah dan sebagainya. Sifat pemurah merupakan salah satu dari akhlak Allah s.w.t. dan merupakan akhlak terpuji yang dimiliki para dermawan. Galakan dan dorongan terhadap pengamalan sifat ini banyak disebut di dalam al-Quran dan Hadis Nabi s.a.w.

Sifat pemurah terbahagi kepada tiga tingkat iaitu memberikan sebahagian dan meninggalkan sebahagian keperluannya (*al-sakhā'*), memberikan sesuatu lebih banyak dan ditinggalkan untuk dirinya sedikit (*al-jūd*), mengutamakan orang lain dengan memberikan sesuatu sedangkan pelakunya amat memerlukan dan ia adalah peringkat tertinggi dari tingkat-tingkat pemurah (*al-^ṭithār*). Rasulullah s.a.w. merupakan seorang yang paling tinggi sifat *al-^ṭithār* diikuti para sahabat dan ulama.

Untuk mengkaji mengenai sejauh mana *al-sakhā'* difahami dan dihayati penulis memilih kakitangan UiTM Shah Alam, Selangor. Mereka menjadi sasaran penulis dalam kajian ini. Kajian ini menyelidik mengenai perkara-perkara yang mempengaruhi tahap kefahaman dan penghayatan *al-sakhā'* di kalangan kumpulan sasaran. Begitu juga masalah-masalah yang mereka hadapi dalam menghayati sifat pemurah ini.

ABSTRACT

HALIPAH BINTI. HAMZAH. Understanding of *al-Sakhā'* and its Implementation Among Staff of the Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Allah s.w.t. has blessed mankind with their assets whether in the form of material wealth, wisdom, skill etc. However, all these assets would still belong to Him and it is therefore held by human beings in trust to benefit all mankind at their best. In Islam, there are many ways to distribute one's resources such as donation, lending, endowment, discussion etc. By being generous, we share the quality of the charitable mankind and shall be rewarded by Allah s.w.t. as highlighted in *al-Quran* and *Hadis*.

There are three levels of generosity, that is to donate a portion of their assets and to keep the rest for themselves (*al-sakhā'*), to donate most of their assets and to keep only a small portion for themselves (*al-jūd*) and to always put priority in others despite their needs (*al-'ithār*), hence the highest level of generosity. Rasulullah s.a.w. has the highest value of *al-'ithār*, followed by his companions and religious leaders.

The study on the understanding of *al-sakhā'* and its implementation was conducted among staff of the UiTM Shah Alam, Selangor. Therefore, they become the subject studies by the author. This research is to determine the factors which influence the understanding *al-sakhā'* and its implementation among the subject. It is also to highlight their problems while inculcating this practise.